

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR  
A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kos keseluruhan LRT3 serta status pembinaan kini, masa projek dijangka siap dan anggaran pelanggan yang akan menggunakan perkhidmatan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek LRT3 diteruskan berdasarkan model Kontrak Harga Tetap (*“Fixed Price Contract”*) dengan kos keseluruhan sebanyak RM16.63 bilion berbanding kos asal sebanyak RM31.65 bilion melalui model *“Project Delivery Partner”* (PDP). Perjanjian kontrak berdasarkan model baharu ini telah ditandatangani pada 25 Januari 2019.

Projek LRT3 adalah sepanjang 37.6 km (termasuk 2.2 km bawah tanah) melibatkan laluan dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang. Sebanyak 20 stesen akan dibina manakala 5 buah stesen *provisional* telah dirancang dalam projek ini untuk dibina pada masa akan datang. Sehingga bulan Jun 2020, kemajuan projek adalah sebanyak 33%. Berdasarkan prestasi semasa, Kerajaan yakin bahawa projek ini mampu disiapkan pada bulan Februari 2024.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek LRT3 memberi manfaat besar kepada rakyat melibatkan populasi melebihi 2 juta penduduk di sepanjang jajaran, terutama di Koridor Barat Lembah Klang. Daripada segi permintaan, dianggarkan seramai 67,000 penumpang akan menggunakan perkhidmatan LRT3 ini apabila ia dibuka kelak pada Februari 2024. Permintaan ini dijangka akan terus meningkat kepada 126,000 penumpang pada tahun 2030 dan 219,000 penumpang pada tahun 2040.

Sekian, terima kasih.